

Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa di Politeknik

(Teaching and Learning The Concept of Rukun Negara in the Philosophy and Current Issues Course at Polytechnic)

Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff^{1*} , Norfarahi Zulkifli² 

Azlina Muhammad³ 

¹Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak, Malaysia.
Email: a.fkrudin@gmail.com

²Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ibrahim Sultan, KM 10, Jalan Kong Kong, 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.

Email: norfarahi@pis.edu.my

³Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: azlinapsa@gmail.com

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff
(a.fkrudin@gmail.com)

KATA KUNCI:

Rukun Negara
Pemahaman pelajar
Penghayatan nilai
Amalan pengajaran
Pendidikan tinggi

KEYWORDS:

Rukun Negara
Student understanding
Value appreciation
Teaching practices
Higher education

CITATION:

Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Norfarahi Zulkifli, & Azlina Muhammad. (2025). Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa di Politeknik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(3), e003301.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i3.3301>

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap konsep Rukun Negara melalui kursus Falsafah dan Isu Semasa di Politeknik Malaysia. Sebagai asas perpaduan nasional dan kesejahteraan negara, Rukun Negara memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri generasi muda. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap penghayatan dalam kalangan pelajar masih boleh dipertingkatkan. Oleh itu, kajian ini meneliti hubungan antara amalan pengajaran pensyarah dengan tahap pemahaman serta penghayatan pelajar terhadap prinsip Rukun Negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan soal selidik yang melibatkan 176 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda dari empat politeknik yang menawarkan kursus ini. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi, termasuk analisis korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap Rukun Negara adalah tinggi, dengan skor min keseluruhan antara 4.67 hingga 4.77. Selain itu, analisis korelasi Pearson ($r = 0.752$, $p < 0.01$) menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara amalan pengajaran pensyarah dengan tahap pemahaman pelajar terhadap prinsip Rukun Negara. Dapatan ini membuktikan bahawa pendekatan pengajaran yang interaktif, reflektif, serta berasaskan teknologi mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran, sekali gus menyumbang kepada pembentukan warganegara yang bertanggungjawab dan beretika. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pendekatan

pengajaran yang terbukti berkesan ini diperluaskan ke kursus-kursus lain yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah dan pengukuhan nilai kenegaraan, bagi memastikan pendidikan tinggi yang lebih holistik dan berkesan.

ABSTRACT

This study aims to assess students' understanding and appreciation of the Rukun Negara concept through the Falsafah dan Isu Semasa course at Malaysian Polytechnics. As a cornerstone of national unity and societal harmony, Rukun Negara plays a vital role in shaping the identity of younger generations. However, previous studies indicate that the level of appreciation among students remains an area for improvement. Therefore, this study examines the relationship between lecturers' teaching practices and students' understanding and appreciation of Rukun Negara principles. A quantitative research approach was employed through a survey method involving 176 undergraduate students from four polytechnics offering this course. Data were analysed using descriptive and inferential statistics, including Pearson correlation analysis. The findings reveal that students' level of understanding and appreciation of Rukun Negara is high, with an overall mean score ranging from 4.67 to 4.77. Furthermore, Pearson correlation analysis ($r = 0.752$, $p < 0.01$) confirms a significant positive relationship between teaching practices and students' understanding of Rukun Negara principles. These findings demonstrate that interactive, reflective, and technology-driven teaching approaches enhance learning effectiveness, ultimately fostering responsible and ethical citizenship. Consequently, this study suggests that the proven effective teaching approach be extended to other courses related to character development and national values reinforcement to ensure a more holistic and impactful higher education experience.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai keberkesanan amalan pengajaran dalam meningkatkan pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap prinsip Rukun Negara. Dapatan kajian ini mengesahkan hubungan positif antara pendekatan pengajaran interaktif dengan pembentukan jati diri mahasiswa sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan beretika dalam masyarakat majmuk Malaysia.

1. Pengenalan

Rukun Negara merupakan satu dokumen asas yang memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kestabilan sesebuah negara. Di Malaysia, Rukun Negara diperkenalkan pada 31 Ogos 1970 sebagai satu usaha strategik untuk memupuk perpaduan nasional dalam kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama, dan budaya. Ia merangkumi lima prinsip utama yang berfungsi sebagai panduan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Bagi memastikan Rukun Negara kekal relevan dalam konteks semasa, generasi muda, khususnya golongan pelajar, perlu memahami dan menghayati prinsip-prinsip ini dalam kehidupan seharian mereka. Pemahaman terhadap

Rukun Negara bukan sahaja menjadi faktor utama dalam mengukuhkan perpaduan nasional, tetapi juga merupakan sebahagian daripada kemahiran insaniah yang perlu dimiliki oleh pelajar bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat yang semakin kompleks. Hal ini selaras dengan pandangan [Ibrahim et al. \(2021\)](#), yang menegaskan bahawa pengetahuan berkaitan Rukun Negara adalah elemen penting dalam membentuk kepimpinan yang lebih berwibawa pada masa hadapan.

Pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara sebagai satu bentuk kemahiran sosial harus diterapkan di setiap peringkat pendidikan, bermula dari pendidikan rendah hingga ke pendidikan tinggi. Dengan memahami serta mengamalkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara, pelajar berupaya menjadi individu yang lebih berdaya saing, bertanggungjawab, serta peka terhadap kepentingan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat. Oleh yang demikian, Rukun Negara perlu dilihat sebagai satu instrumen penting dalam usaha membentuk pelajar yang holistik, berintegriti, dan mampu menghadapi cabaran masa hadapan.

Sebagai salah satu Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Politeknik Malaysia turut memainkan peranan dalam memperkukuh pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap Rukun Negara. Ini dapat dilihat menerusi penawaran kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) yang diwajibkan kepada semua pelajar. Kursus ini bukan sahaja selaras dengan prinsip Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), tetapi juga berperanan dalam menerapkan elemen pembentukan sahsiah dan jati diri sebagai asas kepada pembangunan mahasiswa yang holistik ([Marinsah et al., 2022](#); [Kassim et al., 2024](#)). Lima prinsip utama yang terkandung dalam Rukun Negara, *iaitu* Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang, serta Kesopanan dan Kesusilaan, perlu dihayati oleh mahasiswa bagi memastikan prinsip ini terus relevan dan diamalkan dalam kehidupan mereka sebagai generasi pelapis kepimpinan negara ([Mohamad et al., 2024](#)).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti perspektif mahasiswa IPT terhadap Rukun Negara sebagai instrumen yang berperanan dalam memupuk keharmonian antara pelbagai etnik, agama, dan budaya di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga menilai keberkesanan Rukun Negara dalam membentuk identiti kebangsaan dan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.

1.1. Permasalahan Kajian

Pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara merupakan aspek fundamental dalam pembentukan warganegara yang bertanggungjawab dan harmoni di Malaysia. Rukun Negara diperkenalkan sebagai satu dokumen ideologi nasional yang bertujuan untuk memperkukuh perpaduan dan kestabilan negara. Ia terdiri daripada lima prinsip utama, *iaitu* Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang, serta Kesopanan dan Kesusilaan, yang menjadi asas kepada nilai-nilai kenegaraan. Pemahaman dan penghayatan prinsip-prinsip ini berperanan dalam membentuk rakyat Malaysia yang beretika, mematuhi undang-undang, serta menghormati hak dan kebebasan individu lain. Prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang menekankan keperluan setiap individu untuk bertanggungjawab terhadap tindakan mereka. Namun, tinjauan awal menunjukkan bahawa tahap kepekaan dan kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kepentingan Rukun Negara masih perlu dipertingkatkan, khususnya dalam membina jati diri dan semangat patriotisme ([Haniffa & Mohamad, 2022](#)).

Penghayatan Rukun Negara amat penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan stabil. Prinsip-prinsip ini menggariskan kepentingan untuk hidup dalam persekitaran yang saling menghormati serta bekerjasama ke arah kesejahteraan bersama. Pemantapan penghayatan Rukun Negara bukan sahaja menyumbang kepada perpaduan nasional tetapi juga dapat menjamin kesejahteraan dalam aspek ekonomi, sosial, dan politik negara. Oleh itu, usaha memperkukuh kefahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara perlu diterapkan dalam sistem pendidikan sebagai salah satu elemen penting dalam pembentukan identiti negara (Saat, 2021).

Namun begitu, pelbagai isu masih timbul berkaitan dengan pelanggaran prinsip Rukun Negara. Terdapat beberapa insiden di mana rakyat Malaysia secara terbuka atau tersirat menghina lambang negara serta menzahirkan ketidakpuasan hati terhadap pentadbiran melalui kritikan yang kurang beretika tanpa mengambil kira implikasi perbuatan tersebut. Contohnya, penghinaan terhadap lagu kebangsaan *Negaraku*, yang jelas merupakan pelanggaran terhadap Seksyen 8(2) Akta Lagu Kebangsaan 1968. Selain itu, tindakan segelintir individu yang mencabar institusi Parlimen serta menghina Yang di-Pertuan Agong (YDPA) juga menunjukkan kurangnya penghayatan terhadap nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara (Haniffa & Mohamad, 2022). Malah, terdapat juga tindakan provokatif seperti cadangan menukar Jalur Gemilang, memijak gambar pemimpin negara, serta memaki hamun kepimpinan negara secara terbuka (Mahdi et al., 2021). Fenomena ini menggambarkan bahawa nilai-nilai murni dalam Rukun Negara semakin terhakis dan kurang diberi perhatian oleh segelintir rakyat Malaysia. Dalam konteks pendidikan, perkara ini juga menjadi cabaran kepada pensyarah dalam menyampaikan nilai-nilai ini secara berkesan kepada pelajar, terutamanya dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa yang berkait rapat dengan penghayatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.

Isu ini perlu diberi perhatian serius kerana sekiranya generasi muda gagal memahami dan menghayati Rukun Negara, ia boleh memberi kesan jangka panjang kepada perpaduan serta kestabilan negara. Oleh itu, pensyarah perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus FIS. Sekiranya cabaran ini tidak ditangani dengan baik, usaha mengekalkan keharmonian masyarakat Malaysia akan berdepan dengan kesukaran. Justeru, adalah penting bagi golongan pelajar untuk memahami dan menghayati prinsip Rukun Negara, memandangkan mereka merupakan generasi pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan.

Berdasarkan isu yang dibangkitkan, pelajar politeknik dilihat sebagai generasi muda yang berperanan penting dalam membentuk kepimpinan negara. Peranan ini merangkumi aspek perpaduan dan keprihatinan terhadap isu-isu kenegaraan. Jika golongan ini gagal memahami dan menghayati nilai-nilai Rukun Negara, ia boleh menjejaskan kestabilan negara dalam jangka panjang. Walaupun Rukun Negara mempunyai kepentingan yang besar dalam pembentukan identiti nasional, kajian dan perbincangan mengenainya masih terhad, terutamanya yang berkaitan dengan kesedaran dan penghayatan dalam kalangan generasi muda (Muslim et al., 2023). Kajian Samsu et al. (2018) mendapati bahawa kegagalan mahasiswa dalam menzahirkan tahap patriotisme yang tinggi memberi kesan kepada nilai kesetiaan kepada negara. Selain itu, kajian Ujang et al. (2014) melaporkan bahawa tahap kesedaran patriotisme dalam kalangan generasi muda hanya berada pada tahap 66.5%, yang menunjukkan keperluan kepada usaha pemeraksanaan dalam pendidikan kenegaraan.

Kajian-kajian terdahulu yang meneliti aspek penghayatan Rukun Negara dalam kalangan pelajar politeknik turut menunjukkan dapatan yang berbeza-beza. Kajian [Zambri et al. \(2024\)](#) mendapati bahawa tahap keprihatinan pelajar Politeknik Ungku Omar terhadap prinsip Rukun Negara adalah tinggi, manakala kajian [Talib et al. \(2021\)](#) menunjukkan bahawa kursus Penghayatan Etika dan Peradaban berupaya memperkukuh nilai perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar politeknik. Namun begitu, kajian yang menilai secara khusus tahap pemahaman dan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan pelajar politeknik melalui kursus *FIS* masih belum meluas.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap pemahaman dan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan pelajar politeknik, khususnya mereka yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda. Melalui kajian ini, diharapkan dapat diperoleh gambaran yang lebih jelas mengenai kesedaran dan penghayatan pelajar politeknik terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara, seterusnya membantu dalam merangka strategi yang lebih berkesan dalam memperkukuh nilai kenegaraan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia.

1.2. Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembangunan pendidikan tinggi, khususnya dalam memperkasa kurikulum dan pendekatan pedagogi. Dengan menilai tahap pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap konsep Rukun Negara melalui pengajaran kursus *FIS*, institusi pendidikan dapat menilai keberkesanan kaedah pengajaran yang diterapkan. Hasil kajian ini juga dapat dijadikan asas dalam merangka strategi pengajaran yang lebih sistematik dan berkesan bagi menyampaikan nilai-nilai teras Rukun Negara. Pendekatan ini bukan sahaja membantu melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berfikiran kritis, tetapi juga individu yang mampu menghubungkan pembelajaran dengan kehidupan sebenar serta menerapkan nilai-nilai tersebut dalam konteks sosial dan profesional.

Sebagai tonggak utama dalam pembentukan identiti nasional dan perpaduan masyarakat, Rukun Negara berperanan penting dalam membentuk jati diri generasi muda. Oleh itu, kajian ini meneliti sejauh mana kursus *FIS* dapat berfungsi sebagai medium dalam mensosialisasikan nilai-nilai kenegaraan kepada pelajar. Individu yang memahami dan menghayati prinsip Rukun Negara cenderung untuk mengamalkan nilai-nilai seperti toleransi, keadilan, dan integriti dalam kehidupan seharian mereka. Keupayaan untuk menginternalisasikan nilai-nilai ini adalah penting dalam memastikan kesinambungan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat, sekali gus memperkukuhkan kestabilan negara dalam jangka panjang.

Selain aspek akademik dan intelektual, pembentukan warganegara yang berkualiti juga merangkumi kesedaran terhadap tanggungjawab mereka terhadap negara. Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana kursus *FIS* mampu membentuk pelajar yang bukan sahaja memahami konsep Rukun Negara, tetapi turut menghayatinya dalam tindakan dan keputusan mereka. Pemahaman serta penghayatan yang mendalam terhadap nilai-nilai ini adalah asas kepada pembentukan individu yang patriotik, bermoral tinggi, dan berdaya saing dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Secara keseluruhannya, kajian ini berfungsi sebagai landasan dalam memperkukuh peranan pendidikan tinggi dalam melahirkan generasi muda yang bukan sahaja cemerlang dalam aspek akademik tetapi juga seimbang dari segi nilai dan etika. Dapatan

kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha pemerkasaan kurikulum dan pendekatan pengajaran yang lebih efektif dalam menerapkan nilai-nilai kebangsaan serta membentuk masyarakat yang lebih inklusif dan berintegriti.

1.3. Objektif Kajian

Pelaksanaan kajian ini untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap amalan pengajaran pensyarah.
- ii. Mengenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap Rukun Negara.
- iii. Mengenal pasti penghayatan pelajar terhadap Rukun Negara.
- iv. Mengenal pasti tahap hubungan aspek pemahaman Rukun Negara dengan pengajaran Rukun Negara dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa.

2. Metod Kajian

2.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang bersifat deskriptif dan inferensi melalui kaedah tinjauan soal selidik. Pendekatan kajian tinjauan dipilih kerana ia merupakan kaedah yang sesuai untuk mengumpulkan data daripada sampel yang telah ditentukan oleh penyelidik (Darusalam & Hussin, 2021). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap konsep Rukun Negara melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam kursus FIS dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Politeknik. Penggunaan soal selidik dalam kajian ini dapat meningkatkan ketepatan data yang diperoleh serta memastikan kebolehpercayaan dalam analisis statistik yang dijalankan (Hair et al., 2018).

2.2. Persampelan

Populasi kajian melibatkan seramai 176 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda di Politeknik bagi sesi akademik I 2024/2025 yang mengikuti kursus FIS. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan populasi penuh, di mana kesemua pelajar dari empat politeknik yang menawarkan kursus ini dipilih sebagai responden. Pecahan responden mengikut institusi adalah seperti berikut: Politeknik Ungku Omar (PUO) seramai 67 orang, Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah (PSA) seramai 48 orang, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) seramai 31 orang, dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) seramai 30 orang. Pemilihan politeknik ini dibuat berdasarkan kriteria bahawa hanya institusi-institusi ini yang menawarkan kursus FIS. Menurut Chua (2021), saiz sampel dalam sesuatu kajian boleh mempengaruhi signifikan dapatan kajian, justeru pemilihan populasi penuh ini dijangka dapat meningkatkan ketepatan hasil kajian.

2.3. Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang dibahagikan kepada empat bahagian bagi memastikan data yang diperoleh dapat mengukur objektif kajian dengan tepat. Bahagian A terdiri daripada enam item yang mengumpulkan maklumat demografi responden, termasuk jantina, umur, kaum, politeknik, jabatan, dan program pengajian. Bahagian B pula mengandungi 14 item yang menilai amalan pengajaran dan pembelajaran berkaitan Rukun Negara dalam kursus FIS. Seterusnya, Bahagian C merangkumi 11 item yang mengukur tahap pemahaman pelajar terhadap prinsip Rukun Negara, manakala Bahagian D terdiri daripada 10 item yang menilai tahap

penghayatan pelajar terhadap prinsip tersebut. Instrumen soal selidik ini telah diadaptasi daripada kajian terdahulu seperti [Haniffa et al. \(2021\)](#), [Basir et al. \(2014\)](#) dan [Saad \(2021\)](#) bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item yang digunakan dalam kajian ini. Semua item dalam soal selidik ini menggunakan skala *Likert* lima mata, yang membolehkan responden memberikan tahap persetujuan mereka terhadap setiap pernyataan yang dikemukakan. Penggunaan skala ini membantu dalam mendapatkan data yang lebih objektif dan meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Menurut [Hair et al. \(2018\)](#), nilai kebolehpercayaan komposit melebihi 0.70 menunjukkan bahawa item soal selidik mempunyai kesahan serta kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar seperti pada [Jadual 1](#).

Jadual 1: Tahap Kebolehpercayaan Instrumen

Konstruk	Cronbach's Alpha	Bilangan Item
Bahagian B	0.958	14
Bahagian C	0.971	11
Bahagian D	0.886	10

2.4. Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dilaksanakan melalui edaran soal selidik yang diedarkan kepada responden menggunakan aplikasi *WhatsApp*. Soal selidik ini dibangunkan menggunakan *Google Form* dan telah ditetapkan dengan kawalan automatik bagi memastikan setiap responden hanya boleh mengisi soal selidik sekali sahaja, sekali gus mengelakkan pengulangan data. Selain itu, tetapan dalam *Google Form* juga menetapkan bahawa setiap responden wajib menjawab kesemua item sebelum menghantar jawapan mereka. Langkah ini bertujuan memastikan kelengkapan data yang diperoleh serta meningkatkan ketepatan analisis yang akan dijalankan.

2.5. Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpulkan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics Version 28.0* bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai peratusan dan frekuensi yang berkaitan dengan objektif kajian pertama, kedua, dan ketiga. Selain itu, tahap amalan pengajaran dan pembelajaran Rukun Negara, tahap pemahaman, serta tahap penghayatan pelajar dianalisis menggunakan jadual interpretasi skor min pada [Jadual 2](#) oleh [Nunnally dan Bernstein \(1994\)](#). Pendekatan ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai tahap pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap konsep Rukun Negara berdasarkan skala yang sistematik dan boleh diinterpretasikan secara objektif.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Nilai Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: [Nunnally dan Bernstein \(1994\)](#)

Bagi menjawab objektif kajian keempat, analisis hubungan antara tahap pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap Rukun Negara berdasarkan faktor jantina dilakukan menggunakan ujian korelasi Pearson. Kekuatan hubungan berpandukan kepada skala oleh [Cohen et al. \(2018\)](#), nilai pekali korelasi yang diperoleh daripada analisis ini dapat dirujuk dalam [Jadual 3](#).

Jadual 3: Interpretasi Kekuatan Nilai Pekali Korelasi

Saiz Pekali Korelari (r)	Kekuatan Korelasi
0.91 hingga 1.00	Sangat Kuat
0.71 hingga 0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30	Sangat Lemah

Sumber: [Cohen et al. \(2018\)](#)

3. Hasil Kajian

3.1. Demografi Responden

Bahagian ini membincangkan analisis dapatan kajian yang diperoleh melalui soal selidik dalam talian yang diedarkan kepada pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di Politeknik. [Jadual 4](#) memperincikan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 4: Demografi Sampel Kajian

BIL	DEMOGRAFI	KEKERAPAN	PERATUS	
A1	Jantina	Lelaki	105	59.7
		Perempuan	71	40.3
A2	Umur	19 - 20 tahun	4	2.3
		21 - 22 tahun	120	68.2
		23 - 24 tahun ke atas	52	29.5
A3	Kaum	Melayu	150	85.2
		Cina	3	1.7
		India	15	8.5
		Lain-lain	8	4.5
A4	Politeknik	Politeknik Ungku Omar (PUO)	67	38.1
		Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah (PSA)	48	27.3
		Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)	31	17.6
		Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)	30	17.0
A5	Jabatan	Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)	100	56.8
		Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH)	23	13.1
		Jabatan Reka Bentuk dan Komunikasi Visual (JRKV)	8	4.5
		Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)	15	8.5
		Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)	30	17.0
A6	Program	BCT	54	30.7

BTH	23	13.1
BEU	15	8.5
BFM	33	18.8
BAT	13	7.4
BDM	8	4.5
BMA	30	17.0

Dari segi jantina, seramai 105 orang responden merupakan pelajar lelaki, mewakili 59.7% daripada keseluruhan sampel, manakala selebihnya, iaitu 71 orang (40.3%), terdiri daripada pelajar perempuan. Dari aspek umur, majoriti responden berada dalam lingkungan 21 hingga 22 tahun, iaitu seramai 120 orang (68.2%), diikuti oleh kumpulan umur 23 hingga 24 tahun ke atas dengan 52 orang (29.5%), manakala hanya 4 orang responden (2.3%) berada dalam lingkungan umur 19 hingga 20 tahun. Dari sudut latar belakang etnik, majoriti responden adalah dalam kalangan bangsa Melayu, iaitu seramai 150 orang (85.2%). Ini diikuti oleh responden berbangsa India seramai 15 orang (8.5%), kumpulan etnik lain seramai 8 orang (4.5%), dan responden berbangsa Cina seramai 3 orang (1.7%). Kajian ini turut melibatkan pelajar dari pelbagai politeknik di Malaysia. Responden dari Politeknik Ungku Omar merupakan kumpulan terbesar, dengan 67 orang pelajar (38.1%), diikuti oleh Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah seramai 48 orang (27.3%). Sementara itu, Politeknik Ibrahim Sultan dan Politeknik Sultan Azlan Shah masing-masing menyumbang seramai 31 orang (17.6%) dan 30 orang (17%) responden. Dari aspek bidang pengajian, majoriti responden merupakan pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam, dengan jumlah seramai 100 orang (56.8%). Ini diikuti oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dengan 30 orang pelajar (17%), Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti seramai 23 orang (13.1%), Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan 15 orang pelajar (8.5%), dan akhirnya Jabatan Reka Bentuk dan Komunikasi Visual dengan jumlah penyertaan seramai 8 orang (4.5%).

3.2. Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Rukun Negara dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa

Dapatan kajian berdasarkan [Jadual 5](#) menunjukkan bahawa secara keseluruhan, amalan pengajaran dan pembelajaran pensyarah dalam kursus FIS mencapai tahap yang tinggi dengan skor min keseluruhan 4.77 dan sisihan piawai (SP) 0.83. Hasil ini mencerminkan keberkesanan kaedah pengajaran yang diterapkan oleh pensyarah dalam meningkatkan kefahaman pelajar mengenai prinsip Rukun Negara. Dapatan ini selari dengan kajian oleh [Nadrah dan Musa \(2024\)](#), yang menekankan bahawa peningkatan profesionalisme dan tanggungjawab pensyarah adalah elemen kritikal dalam menangani cabaran pengajaran serta memperkukuh kualiti akademik bagi mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang optimum.

Antara item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah B12 (Min = 4.82, SP = 0.387), yang menunjukkan bahawa pensyarah berjaya menghubungkan isi pengajaran dengan kehidupan seharian pelajar. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip pedagogi reflektif yang menekankan aplikasi ilmu dalam konteks dunia nyata ([Kamarudin, 2021](#)), seterusnya memperkukuh pemahaman pelajar terhadap kepentingan Rukun Negara dalam kehidupan harian mereka. Selain itu, beberapa item lain turut menunjukkan skor min yang tinggi, termasuk B5, B8, B9, dan B11, dengan nilai min masing-masing 4.80.

Item B5, yang menilai kesesuaian penggunaan Bahasa Melayu dalam kursus ini, menunjukkan bahawa 81.8% pelajar berada pada tahap "Sangat Setuju". Dapatan ini sejajar dengan kajian [Mohamed dan Hassan \(2019\)](#), yang menekankan kepentingan

penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran berkaitan isu kenegaraan dan patriotisme. Penggunaan bahasa yang dekat dengan budaya dan nilai tempatan dapat meningkatkan kefahaman serta jati diri pelajar. Sehubungan itu, usaha pemartabatan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan bahasa utama dalam IPT perlu diperkukuh agar ia terus berperanan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan, serta bahasa ilmu. Sementara itu, item B8 dan B9 menunjukkan bahawa pensyarah bukan sahaja bersedia menjawab persoalan pelajar, tetapi juga menyampaikan pengajaran secara sistematik. Kedua-dua aspek ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran serta memupuk minat dan motivasi pelajar untuk mendalami kandungan kursus.

Jadual 5: Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Rukun Negara Dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa

Kenyataan/Item	Tahap Min	Min	SP	Skala (Kekerapan Dan Peratus)					
				STS	TS	TP	S	SS	
				1	2	3	4	5	
B1	Pengajaran pensyarah menarik minat saya untuk mendalami kandungan rukun negara.	T	4.70	.472			1 0.6	51 29.0	124 70.5
B2	Pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah memberikan kesan dalam membentuk nilai-nilai positif dalam diri saya.	T	4.73	.440				46 26.1	130 73.9
B3	Saya berpuas hati dengan penjelasan yang disampaikan oleh pensyarah.	T	4.75	.447			1 0.6	42 23.9	133 75.6
B4	Pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk meningkatkan pemahaman pelajar.	T	4.72	.452				50 28.4	126 71.6
B5	Pengajaran dalam Bahasa Melayu adalah sesuai untuk kursus ini.	T	4.80	.453		1 0.6	1 0.6	30 17.0	144 81.8
B6	Pengajaran pensyarah mempengaruhi sikap saya untuk lebih mendalami kursus ini.	T	4.76	.440			1 0.6	40 22.7	135 76.7
B7	Pensyarah sentiasa membuat persiapan yang rapi terhadap bahan kandungan pengajaran.	T	4.76	.427				42 23.9	134 76.1
B8	Pensyarah sentiasa bersedia menjawab setiap kemusykilan yang dikemukakan oleh pelajar dengan jelas.	T	4.80	.396				34 19.3	142 80.7

B9	Pensyarah sentiasa menyampaikan isi pengajaran kursus secara sistematik/tersusun.	T	4.80	.396	34 19.3	142 80.7
B10	Pensyarah bersungguh-sungguh dalam menyampaikan kandungan pengajaran.	T	4.79	.409	37 21.0	139 79.0
B11	Pensyarah sentiasa mengaitkan apa yang diajar dengan isu semasa.	T	4.80	.400	35 19.9	141 80.1
B12	Pensyarah sentiasa mengaitkan apa yang diajar dengan kehidupan seharian pelajar.	T	4.82	.387	32 18.2	144 81.8
B13	Pensyarah sentiasa memastikan pelajar dapat memahami setiap kandungan pengajaran yang disampaikan dengan berkesan.	T	4.78	.413	38 21.6	138 78.4
B14	Pensyarah menggunakan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	T	4.77	.420	40 22.7	136 77.3
Keseluruhan		T	4.77	4.83		

Dapatan yang signifikan turut diperoleh dalam item B11 (Min = 4.80, SP = 0.400), yang menunjukkan bahawa pensyarah kerap mengaitkan isi pengajaran dengan isu semasa. Pendekatan ini selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menuntut pelajar menghubungkan ilmu dengan perkembangan global dan situasi semasa (Yusoff, 2024). Penggunaan isu semasa dalam pengajaran bukan sahaja memperkukuh pemahaman pelajar, tetapi juga menggalakkan mereka menjadi individu yang lebih peka terhadap perkembangan semasa dalam negara. Kajian oleh Ishak et al. (2014) turut menyokong dapatan ini, di mana penggunaan kajian kes dalam pembelajaran subjek etika telah terbukti membantu pelajar memahami teori serta aplikasi teori etika dengan lebih mendalam. Selain itu, penggunaan kajian kes semasa membolehkan pelajar mengenali isu-isu etika yang mungkin dihadapi apabila mereka memasuki alam pekerjaan dan persekitaran industri yang sebenar.

Di samping itu, item B3 (Min = 4.75, SP = 0.447) menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi dalam kalangan pelajar terhadap kejelasan penjelasan yang diberikan oleh pensyarah. Ini membuktikan keberkesanan komunikasi pensyarah dalam menyampaikan isi pengajaran, yang merupakan faktor penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini selari dengan kajian Zen et al. (2023), yang menunjukkan bahawa komunikasi berkesan oleh pensyarah boleh memberi impak yang signifikan terhadap tahap motivasi pelajar. Kajian tersebut turut menjelaskan bahawa perhubungan komunikasi yang baik antara pensyarah dan pelajar dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran serta pencapaian akademik.

Secara keseluruhan, dapatan kajian objektif pertama ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang mengintegrasikan elemen interaktif, penggunaan bahasa yang sesuai, serta pengaitan dengan isu semasa dan kehidupan seharian pelajar adalah sangat berkesan dalam meningkatkan kefahaman serta penghargaan terhadap Rukun Negara. Oleh itu, pensyarah disarankan untuk meneruskan penggunaan kaedah pengajaran yang responsif terhadap konteks pelajar, di samping memperkukuhkan penggunaan teknologi dalam pengajaran (item B14, Min = 4.77) bagi meningkatkan lagi keberkesanan proses pembelajaran. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong pencapaian objektif kursus, malah berupaya membentuk pelajar yang lebih bertanggungjawab, berfikiran kritis, serta beretika dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

3.3. Tahap Pemahaman Pelajar Terhadap Prinsip Rukun Negara

Dapatan kajian dalam [Jadual 6](#) menunjukkan bahawa tahap pemahaman pelajar terhadap prinsip Rukun Negara selepas mengikuti kursus FIS berada pada tahap yang tinggi, dengan skor min keseluruhan 4.70 dan sisihan piawai (SP) 0.462. Keputusan ini mencerminkan bahawa secara umumnya, kursus ini telah berjaya meningkatkan kefahaman pelajar terhadap prinsip asas kenegaraan. Kajian oleh [Akhir et al. \(2023\)](#) turut menyokong dapatan ini, di mana kursus FIS didapati berupaya mempertingkatkan keupayaan berfikir serta kefahaman pelajar terhadap konsep falsafah. Selain itu, menurut [Ab Hamid et al. \(2023\)](#), kursus ini diinstitusikan dalam pendidikan tinggi dengan matlamat utama untuk memupuk kemahiran pemikiran kritis dalam kalangan pelajar. Tambahan pula, ia turut berperanan dalam membentuk sikap sosial yang positif, seperti sikap saling menghormati dan toleransi terhadap kepelbagaian budaya serta kepercayaan ([Lui & Ahmad, 2021](#)).

Jadual 6: Tahap Pemahaman Pelajar Terhadap Prinsip Rukun Negara

Kenyataan/Item	Tahap Min	Min	SP	Kekerapan dan Peratus				
				STS 1	TS 2	TP 3	S 4	SS 5
C1 Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini membantu saya lebih memahami 5 Prinsip Rukun Negara.	T	4.71	.477			2 1.1	46 26.1	128 72.7
C2 Proses pembacaan untuk menyiapkan tugas membantu saya lebih memahami konsep Rukun Negara.	T	4.68	.493			2 1.1	53 30.1	121 68.8
C3 Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini mempengaruhi saya untuk lebih cintakan negara.	T	4.72	.474			2 1.1	45 25.6	129 73.3
C4 Aktiviti perbincangan di dalam kelas bersama pensyarah dan kawan-kawan membantu meningkatkan pemahaman saya terhadap Rukun Negara.	T	4.71	.467			1 0.6	49 27.8	126 71.6

C5	Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini dapat membantu saya mendalami sifat toleransi sesama pelajar dengan lebih kukuh.	T	4.71	.464	1 0.6	48 27.3	127 72.2
C6	Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini dapat membantu saya memahami Rukun Negara sebagai panduan hidup saya sebagai warganegara Malaysia.	T	4.70	.475	1 0.6	52 29.5	123 69.9
C7	Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini dapat membantu saya memahami Rukun Negara sebagai falsafah Negara.	T	4.69	.512	4 2.3	47 26.7	125 71.0
C8	Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini menekankan tentang kepentingan Rukun Negara sebagai ideologi negara.	T	4.70	.484	2 1.1	49 27.8	125 71.0
C9	Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini dapat menarik minat saya untuk memahami Rukun Negara dengan lebih mendalam.	T	4.67	.529	5 2.8	48 27.3	123 69.9
C10	Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini membantu saya mengurus kehidupan seharian berdasarkan nilai Rukun Negara.	T	4.68	.490	2 1.1	52 29.5	122 69.3
C11	Aktiviti-aktiviti pembelajaran tentang Rukun Negara di dalam kelas dapat memupuk jati diri saya agar lebih bersifat patriotisme.	T	4.72	.462	1 0.6	47 26.7	128 72.7
Keseluruhan		T	4.70	4.62			

Item yang mencatatkan skor min tertinggi dalam kajian ini ialah C3 (Min = 4.72, SP = 0.474), yang menunjukkan bahawa kursus ini berjaya mempengaruhi pelajar untuk lebih mencintai negara. Hasil ini sejajar dengan objektif kursus yang menekankan pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Selain itu, item C11 turut mencatatkan skor min yang sama (Min = 4.72, SP = 0.462), yang menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran berkaitan Rukun Negara berkesan dalam membentuk jati diri serta meningkatkan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar. Pembentukan identiti nasional yang kukuh dalam kalangan generasi muda merupakan faktor penting dalam memastikan pemahaman terhadap nilai-nilai kebangsaan serta mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat (Othman et al., 2023). Aspek perpaduan ini menjadi lebih signifikan dalam konteks Malaysia yang mempunyai kepelbagaian kaum, budaya, dan latar belakang kepercayaan.

Sejarah telah membuktikan bahawa konflik perpaduan sering kali berpunca daripada kurangnya interaksi dan pemahaman antara etnik, seperti yang berlaku dalam Peristiwa 13 Mei 1969 (Talib et al., 2021).

Selain itu, item C1, C4, dan C5 turut mencatatkan skor min yang tinggi (4.71), dengan sisihan piawai yang rendah, menunjukkan bahawa kursus ini membantu pelajar dalam memahami prinsip Rukun Negara, meningkatkan pemahaman melalui perbincangan kelas, serta memperkukuhkan sikap toleransi antara pelajar. Kadar persetujuan yang tinggi dalam kalangan pelajar terhadap item-item ini mencerminkan keberkesanan pendekatan pedagogi yang digunakan dalam kursus ini. Kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar menjadikan mereka lebih berdikari dan bermotivasi dalam menuntut ilmu, selain dapat memastikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap kandungan kursus (Ramli et al., 2018). Justeru, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai berupaya meningkatkan minat serta penglibatan aktif pelajar. Menurut Lui dan Ahmad (2021), keberkesanan proses pembelajaran banyak bergantung kepada strategi pengajaran yang diterapkan oleh pendidik dalam membentuk kecemerlangan akademik pelajar. Kepelbagaian pendekatan pedagogi juga boleh menjadi pemangkin kepada perubahan sikap dan peningkatan minat terhadap mata pelajaran, termasuk dalam subjek sejarah yang sering dianggap kurang menarik (Lezah & Talin, 2018).

Dapatan kajian ini turut menunjukkan keberkesanan elemen pedagogi aktif, seperti perbincangan kelas, tugas membaca, dan aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap prinsip asas kenegaraan. Item C6 (Min = 4.70, SP = 0.475) dan C8 (Min = 4.70, SP = 0.484) mengesahkan bahawa kursus ini berkesan dalam memperkukuh kesedaran pelajar terhadap Rukun Negara sebagai panduan hidup dan ideologi negara. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menyokong hipotesis bahawa kursus FIS memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan pemahaman dan kesedaran pelajar terhadap nilai-nilai kenegaraan. Oleh yang demikian, kajian ini mengesyorkan agar elemen pengajaran yang bersifat interaktif dan reflektif terus dikekalkan dalam kursus ini bagi memastikan objektif pembelajaran yang dihasratkan dapat dicapai dengan lebih berkesan.

3.4. Tahap Penghayatan Pelajar Terhadap Rukun Negara

Dapatan kajian yang diperoleh daripada Jadual 7 menunjukkan bahawa tahap penghayatan pelajar terhadap prinsip Rukun Negara adalah tinggi, dengan skor purata (min) keseluruhan 4.67 dan sisihan piawai (SP) 3.83. Keputusan ini membuktikan bahawa pelajar bukan sahaja memahami nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara, tetapi juga mampu menghayatinya dalam kehidupan seharian selepas mengikuti kursus FIS. Dapatan ini sejajar dengan pandangan Muslim et al. (2023), yang menegaskan bahawa aspek penghayatan nilai perlu diberikan perhatian lebih mendalam berbanding sekadar memahami konsep secara teori. Kebimbangan ini berasas kerana meskipun tahap pemahaman terhadap Rukun Negara adalah tinggi, namun masih terdapat jurang dalam aspek penghayatan dan amalan, sebagaimana yang dilaporkan oleh Kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia terhadap 1,000 responden, di mana 88 peratus daripada mereka memahami konsep Rukun Negara, tetapi kurang mengamalkannya dalam kehidupan seharian (Tahir, 2020).

Item yang mencatatkan skor min tertinggi dalam kajian ini ialah D10 (Min = 4.81, SP = 0.387), yang menunjukkan bahawa pelajar mengiktiraf kepentingan “Kepercayaan kepada Tuhan” dalam membentuk sikap bertolak ansur. Dapatan ini mencerminkan pemahaman

mendalam pelajar terhadap asas moral dan etika yang mendasari masyarakat Malaysia, selaras dengan prinsip pertama dalam Rukun Negara. Selain itu, item D6 (Min = 4.73, SP = 0.526) menunjukkan bahawa pelajar menyedari bahawa pembinaan negara Malaysia berlandaskan kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan, yang berperanan sebagai asas kepada perpaduan nasional. Menurut [Nawi \(1986\)](#), tiga faktor utama yang menjadi tunjang perpaduan negara ialah agama, keturunan, dan kebudayaan. Oleh itu, setiap individu perlu menanamkan nilai toleransi dalam diri serta mengamalkannya dalam kehidupan sosial, khususnya dalam persekitaran masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kepercayaan dan latar belakang agama ([Ali et al., 2021](#)). Dalam konteks ini, hak kebebasan beragama seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan perlu dijadikan asas dalam memperkukuh keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Jadual 7: Tahap Penghayatan Pelajar Terhadap Rukun Negara

KENYATAAN/ITEM	TAHAP MIN	MIN	SP	KEKERAPAN DAN PERATUS				
				STS 1	TS 2	TP 3	S 4	SS 5
D1 Warganegara Malaysia tidak boleh memberi taat setia kepada negara lain.	T	4.38	.966	5 2.8	5 2.8	16 9.1	42 23.9	108 61.4
D2 Kedaulatan undang-undang terjamin dengan adanya sebuah badan kehakiman yang bebas.	T	4.26	.995	6 3.4	4 2.3	22 12.5	51 29.0	93 52.8
D3 Setiap warganegara perlu mematuhi batas dan tatasusila.	T	4.72	.486		1 0.6	46 26.1	129 73.3	
D4 Warganegara Malaysia hendaklah bersikap jujur, taat dan setia kepada Raja dan Negara.	T	4.80	.400				35 19.9	141 80.1
D5 Setiap warganegara Malaysia bertanggungjawab mempertahankan Perlembagaan.	T	4.80	.405				36 20.5	140 79.5
D6 Bangsa dan Negara ini dibina atas asas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan.	T	4.73	.526			7 4.0	33 18.8	136 77.3
D7 Sikap prasangka terhadap seseorang atas alasan agama adalah dilarang sama sekali.	T	4.61	.640		2 1.1	9 5.1	44 25.0	121 68.8
D8 Setiap warganegara perlu memupuk sikap bertimbang rasa terhadap semua orang tanpa mengira umur, bangsa, agama dan warna kulit.	T	4.80	.428			2 1.1	31 17.6	143 81.3
D9 Kesopanan dan kesusilaan dapat menghalang perbuatan angkuh dan	T	4.75	.518		1 0.6	1 0.6	38 21.6	136 77.3

	menyinggung perasaan orang lain.					
D10	Kepercayaan kepada Tuhan merupakan elemen yang amat penting bagi memastikan setiap individu sentiasa mempunyai sikap bertolak ansur.	T	4.81	.387	32	144
					18.2	81.8
	Keseluruhan	T	4.67	3.83		

Selain itu, beberapa item lain turut menunjukkan skor min yang tinggi, antaranya D4, D5, dan D8, yang masing-masing mencatatkan nilai min sebanyak 4.80 dengan sisihan piawai di bawah 0.43. Keputusan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia, termasuk kewajipan untuk bersikap jujur, taat, dan setia kepada Raja dan Negara (D4) serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia (D5). Item D8 pula menekankan kepentingan memupuk sikap bertimbang rasa tanpa mengira usia, bangsa, agama, dan latar belakang budaya, yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Pengurusan konflik secara berkesan berupaya menghasilkan impak yang positif melalui mobilisasi idea dan tindakan yang bertujuan untuk mencapai kehidupan bermasyarakat yang lebih harmoni (Meerangani et al., 2020). Sebaliknya, kegagalan dalam menangani konflik boleh membawa kepada kesan negatif seperti permusuhan, kebencian, stereotaip negatif, pergaduhan, dan keganasan (Ramli et al., 2018).

Di samping itu, item D9 (Min = 4.75, SP = 0.518) menunjukkan bahawa pelajar memahami kepentingan amalan kesopanan dan kesusilaan dalam mengelakkan tingkah laku angkuh serta sikap yang boleh menyinggung perasaan orang lain. Keputusan ini membuktikan bahawa kursus FIS berjaya memperkukuh nilai-nilai adab dan budi pekerti dalam kalangan pelajar, selaras dengan prinsip kelima dalam Rukun Negara, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Keupayaan untuk menerapkan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian adalah penting dalam membentuk generasi muda yang matang, beretika, dan bertanggungjawab.

Dapatan objektif kajian ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan pelajar terhadap prinsip Rukun Negara adalah tinggi, dengan penekanan kepada aspek kepercayaan kepada Tuhan, perpaduan, dan tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia. Kursus FIS terbukti berkesan dalam membantu pelajar bukan sahaja memahami tetapi juga menghayati nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara melalui pendekatan pembelajaran yang bersifat reflektif dan interaktif. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan kursus ini terus diperkukuh dengan kaedah pengajaran yang relevan, bagi membentuk pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga mampu mengamalkan nilai-nilai kenegaraan dalam kehidupan seharian mereka.

4.5. Tahap Hubungan Aspek Pemahaman Rukun Negara dengan Pengajaran Rukun Negara dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa

Dapatan analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengajaran dan pembelajaran dengan tahap pemahaman pelajar terhadap Rukun Negara dalam kursus FIS. Jadual 8 menunjukkan nilai pekali korelasi yang diperolehi ialah $r = 0.752$ dengan nilai signifikan $p = 0.001$ ($p < 0.01$), yang mencerminkan hubungan positif yang kuat antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Korelasi yang tinggi ini menunjukkan bahawa semakin berkesan amalan pengajaran dan

pembelajaran pensyarah, semakin tinggi tahap pemahaman pelajar terhadap prinsip Rukun Negara.

Jadual 8: Tahap Hubungan Aspek Pemahaman Rukun Negara Dengan Pengajaran Rukun Negara Dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa

Pelajar (N=176)	<i>r</i>	Sig. <i>P</i>
Amalan Pengajaran dan Pembelajaran * Tahap Pemahaman Pelajar	.752	.001

**Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$

Menurut interpretasi [Cohen et al. \(2018\)](#), nilai $r = 0.752$ tergolong dalam kategori korelasi yang kuat, di mana nilai antara 0.70 hingga 0.89 menandakan hubungan yang tinggi antara pemboleh ubah. Ini selari dengan dapatan kajian oleh [Jalaluddin \(2022\)](#), yang menegaskan bahawa pendekatan pedagogi yang fleksibel dan kreatif merupakan faktor utama dalam keberkesanan pengajaran, terutamanya apabila diperkukuh dengan penggunaan teknologi moden dan pembelajaran maya. Tambahan pula, pendekatan pedagogi yang holistik bukan sahaja meningkatkan pemahaman akademik tetapi turut memperkasakan kemahiran berfikir kritis, kepimpinan, serta inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran.

Pendekatan ini juga selari dengan hala tuju transformasi pendidikan di Malaysia, yang memberi penekanan kepada pembelajaran kolaboratif, pemupukan kemahiran berfikir aras tinggi, pembelajaran sendiri, fleksibiliti pedagogi, serta kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran ([Aliya et al., 2024](#)). Elemen-elemen ini menjadi keperluan kritikal dalam menghadapi cabaran era Revolusi Industri 4.0, yang menuntut kebolehsuaian pedagogi dalam menyediakan pelajar dengan kemahiran yang relevan dan berdaya saing.

Selain itu, dapatan kajian ini turut memperkukuhkan bukti bahawa pendekatan pengajaran yang interaktif, sistematik, dan kontekstual mampu meningkatkan tahap pemahaman pelajar secara signifikan. Nilai signifikan $p = 0.001$ menunjukkan bahawa keputusan ini adalah signifikan pada aras kebolehpercayaan 99% ($p < 0.01$), sekali gus mengukuhkan lagi kesahan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Kajian ini membuktikan bahawa amalan pengajaran yang berkualiti tinggi memberi impak yang ketara terhadap peningkatan pemahaman pelajar terhadap Rukun Negara. Dapatan ini mengesahkan kepentingan pendekatan pengajaran yang dinamik dan relevan dengan keperluan semasa dalam membentuk pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga memiliki jati diri sebagai warganegara yang bertanggungjawab, beretika, serta berintegriti tinggi. Oleh itu, adalah penting bagi institusi pendidikan untuk terus memperkasa kaedah pengajaran yang inovatif dan responsif terhadap perkembangan teknologi serta keperluan pelajar dalam era globalisasi.

5. Kesimpulan

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa amalan pengajaran yang mengintegrasikan elemen interaktif, penggunaan teknologi, serta perkaitan dengan isu-isu semasa berkesan dalam meningkatkan pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap prinsip Rukun Negara. Nilai min yang tinggi (4.67–4.77) bagi ketiga-tiga konstruk utama (amalan pengajaran, pemahaman, dan penghayatan) menunjukkan keberkesanan pendekatan pedagogi yang bersifat kontekstual, reflektif, dan berpusatkan pelajar. Selain itu, analisis korelasi Pearson ($r = 0.752$, $p < 0.01$) mengesahkan hubungan yang signifikan antara amalan pengajaran dengan tahap pemahaman pelajar, menegaskan bahawa strategi

pengajaran yang dirancang secara sistematik dan relevan bukan sahaja meningkatkan pemahaman pelajar, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan warganegara yang bertanggungjawab, beretika, dan mempunyai jati diri yang kukuh. Implikasi dapatan ini bukan sahaja menyokong objektif kursus FIS, tetapi juga boleh dijadikan model rujukan bagi kursus-kursus lain yang berkaitan dengan pembinaan sahsiah dan kenegaraan dalam sistem pendidikan tinggi.

Berdasarkan dapatan kajian, disarankan agar pendekatan pengajaran yang telah terbukti berkesan ini diperluaskan ke kursus-kursus lain yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah dan nilai kenegaraan. Dalam hal ini, penekanan khusus perlu diberikan kepada integrasi teknologi, perbincangan interaktif, serta penerapan nilai dalam konteks semasa, bagi memastikan pembelajaran yang lebih bermakna dan relevan kepada pelajar. Selain itu, pensyarah perlu diberikan latihan berterusan bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam mengoptimalkan penggunaan teknologi digital serta mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar. Aspek ini penting dalam memastikan keberkesanan penyampaian pengajaran dan keupayaan pensyarah untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pesat dalam dunia pendidikan digital.

Dari perspektif dasar pendidikan, penggubal kurikulum disarankan untuk memperkukuh integrasi unsur kerohanian dan moral secara seimbang bagi memastikan pembangunan insan yang holistik tercapai. Pendekatan ini dapat membantu pelajar bukan sahaja memahami konsep kenegaraan, tetapi juga menghayatinya dalam kehidupan seharian, selaras dengan matlamat pendidikan yang menyeluruh. Akhir sekali, kajian lanjutan dicadangkan bagi menilai kesan jangka panjang pendekatan ini terhadap tingkah laku sivik pelajar, termasuk bagaimana pemahaman dan penghayatan yang diperoleh dalam kursus ini diterjemahkan dalam kehidupan sebenar. Selain itu, kajian lanjut juga perlu dijalankan bagi menilai kesesuaian pendekatan ini dalam pelbagai konteks institusi pendidikan, termasuk sekolah menengah dan IPT, bagi memastikan impaknya dapat dimanfaatkan secara lebih meluas dalam sistem pendidikan negara.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi (C-RIE) Politeknik Ungku Omar. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua responden yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Penyelidikan dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan dari mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tiada unsur konflik kepentingan dalam penyelidikan ini.

Rujukan

- Ab Hamid, N., Hashim, S. N. I., & Abd Wahab, N. A. (2023). Penerapan ilmu logik dalam kursus falsafah dan isu semasa: Kepentingannya terhadap mahasiswa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(52), 93-103.
- Akhir, N. S. M., Ismail, S., Ismail, M. S. I., Aisyah, S., Yusof, M. A. S. A. & Yusof, A. S. M. (2023). Penerimaan Mahasiswa Terhadap Mata Pelajaran Umum (MPU) Kursus Falsafah Dan Isu Semasa di UiTM cawangan Kedah. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 5(18), 137-147.
- Ali, S., Hamzah M. I., Lubis M. A., Yusnaldi E., SE I. L., & Talib S. H. (2021). Prinsip Toleransi Islam Dalam Menangani Konflik Kepelbagaian Kaum di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 4(2), 142-168.
- Aliya, N., Suriani, A. B., Wong, K. T., Azzam, A. B., & Adli, M. (2024). Integrasi Aplikasi berasaskan Kecerdasan Buatan dalam Pembelajaran Digital dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Fizik Kuantum: Tinjauan Literatur. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 14(2), 155-170.
- Basir, S. N. M., Hassan, J., Abdullah, S. & Hassan, H. (2014). Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Subjek Hubungan Etnik: Kajian Kes Di Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Human Development and Communication*, 3 (Special Issue), 67-79.
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Edisi Keempat. Malaysia: McGraw Hill (M). Sdn. Bhd.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2018). *Research Methods in Education (8th ed.)*. London: Routledge.
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R.E. (2018). *Multivariate Data Analysis. 8th Edition*. Cengage Learning, London.
- Haniffa, M. A., & Mohamad, A. N. A. (2022). Penghayatan warganegara Malaysia terhadap lambang kenegaraan Malaysia dan cabaran revolusi perindustrian 4.0: Satu penelitian awal. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1-9.
- Haniffa, M. A., Mohamad. A. N. A., & Shatir. M. A. A. A. (2021). Rukun Negara Sebagai Medium Pembinaan Bangsa: Penelitian Awal Terhadap Mahasiswa Dan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference (8th IRMIC 2021)*, hlm 14-23.
- Ibrahim, M. A., Ationg, R., Esa, M. S., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Yusoff, M. S., & Mokhtar, S. (2021). Pengetahuan Terhadap Ilmu Perlembagaan, Undang-Undang Dan Rukun Negara Dalam Konteks Kepimpinan: Kajian Kes Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 45 - 59.
- Ishak, S., Omar A. R. C., Ariffin, K. & Hussain, M. Y. (2014). Pandangan pelajartentang penggunaan kes dalam pembelajaran subjek etika. *Geografia: Malaysian Journal of Society & Space*, 10(1), 60-69.
- Jalaluddin, I. (2022, December 7). Anjakan TS25 teknologi dan pembelajaran abad ke-21. *Harian Metro*. Retrieved Februari 20, 2024, from

- <https://www.hmetro.com.my/rencana/2022/12/912608/anjakan-ts25-teknologi-dan-pembelajaran-abad-ke-21>
- Kamarudin, K. (2021). Meningkatkan Hasil Belajar Siswa Pada Pelajaran PPKn Dengan Menerapkan Model Paradigma Pedagogi Reflektif di Sekolah Dasar. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(5), 3371 – 3375.
- Kassim, F., Ramli, M. R., Azzis, M. S. A., Ching, I. Y. S., Mat Nor, N. A., & Hanafi, F. (2024). Penerimaan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa Dalam Kalangan Mahasiswa Di Universiti Malaya. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9(56), 388-402.
- Lezah, L., & Talin, R. (2018). Kaedah Pengajaran Sejarah Yang Diminati Pelajar dan Justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 137–145.
- Lui, M. Z. M., & Ahmad, A. (2021). Minat Murid Terhadap Gaya, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru dalam Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 211- 221.
- Mahdi, M. S., Yunos, Y., & Yusoff, M. Y. M. (2021). Strategi pemantapan perpaduan menerusi animasi Upin & Ipin. *GEOGRAFIA online Malaysia Journal of Society and Space*, 17, 366-374.
- Marinsah, S. A., Ramlie, H. A., Hajimin, M. N. H. H., & Othman, I. W. (2022). Signifikan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa (FIS) Dalam Pembentukan Akhlak Dan Moral Di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(45), 127-136.
- Meerangani, K. A., Rosele, M. I., & Marinsah, S. A. (2020). Pendekatan Wasatiyyah Dalam Interaksi Inter-Agama Di Malaysia. *Manu- Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 31(2), 19-46.
- Mohamad, A. N. A., Mohamad, W. N. A., Haniffa, M. A., & Ahmad Shatir, M. A. A. (2024). Persepsi Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Terhadap Rukun Negara Sebagai Medium Keharmonian di Malaysia: Perceptions of Rukun Negara As A Mediator of Harmony Among Students In Higher Learning Institutions. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(1), 52–67.
- Mohamed, N. A., & Hassan, N. A. (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 19 - 28.
- Muslim, S., Abidin N. A. Z., Marfunizah Ma'dan, M., & Trisiana, A. (2023). Pengetahuan generasi muda terdapat gagasan Rukun Negara. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 1, 71–81.
- Nadrah, W. H., & Musa, A. H. (2024). Implikasi Pengurusan Strategik Terhadap Pembangunan Profesionalisme Pensyarah. *Journal of TVET and Technology Review*, 2(1), 38-46.
- Nawi, A. (1986). Peranan Kebudayaan Kebangsaan dalam Integrasi Rakyat. Dalam buku *Beberapa Asas Integrasi Nasional Pro dan Kontranya*. Kuala Lumpur: Penerbit Karya Kreatif.
- Nunnally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric Theory*. McGraw-Hill, New York, 3, 701.
- Othman, I. W., Karulus, Y., Talib, M. N. M., Mokhtar, S., Yusoff, M. S., & Kamal, H. I. M. (2023): Cultivating Patriotism Among University Students: Facilitating The Formation Of The Malaysian Family Concept In A Multiracial Society. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 5(19), 359-392.
- Ramli, M. A., Zulkepli M. I. S., Rahim R. A. A., Razak M. I. A., Hamdan M. N. H., & Marinsah S. A. (2018). Isu-isu sensitif dalam masyarakat majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi pendekatan kesederhanaan. Dlm. Mohd Roslan Mohd Noor (Ed.). *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan,*

- Kehartaan dan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Saad, K. M. (2021). Persepsi Pelajar Terhadap Implimentasi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban Di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah. *International Conference on Syariah & Law 2021*(Iconsyal 2021) 6 April 2021, 121-135.
- Saat, I. (2021). History of the Elements of People's Unity: Sejarah Elemen Perpaduan Rakyat. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(1), 48-58.
- Samsu, K. H. K., Adnan Z. H., Razak R. R. A., Fee L. Y., & Muhammad Z. (2018). Tahap Patriotisme Mahasiswa di Universiti Awam Malaysia, *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*, 23-24 April 2018, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Tahir, N. (2020, 29 ogos). Rukun Negara Wadah Bentuk Masyarakat Berpandangan Jauh. *Berita Harian Online*. Bahan diekses pada 24 Februari 2025, daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/08/725822/rukun-negara-wadah-bentuk-masyarakat-berpandangan-jauh>
- Talib, N. H. F., Ghazali H., & Dzalihi'zzabir, N. W. (2021). Perpaduan Dan Patriotism Dalam Kalangan Pelajar Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 5(2), 24-35.
- Ujang, A., Jahi, J. Md. Arifin, K., & Aiyub, K. (2014). Kesedaran Generasi Muda terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia, *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 2(2), 31-39.
- Yusoff, A. F. M., Sulaiman, N., & Hamat, W. N. (2024). *Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) Berdasarkan Model Pendidikan Ibnu Khaldun*. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(3), 77-95.
- Zambri, N. H. A., Fong Y. C., Shamsuri N. S., Emran N. I., & Yusoff A. F. M. (2024). Keharmonian Negara Malaysia Melalui Rukun Negara: Tinjauan Terhadap Mahasiswa Politeknik Ungku Omar. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi and Sains Sosial (JKTSS)*, 10(1), 11-21.
- Zen, W. Y. M., Ahmat M. F., & Manan S. A. (2023). Hubungan Amalan Komunikasi Berkesan Pensyarah Dan Tahap Motivasi Pelajar Di Politeknik Kuching Sarawak. *7th Technology & Innovation International Conference*, 10, 188-197.